

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan memberi kefahaman awal kepada kajian yang akan dijalankan iaitu mengenai definisi buli dan jenayah buli yang sering berlaku dalam sektor pendidikan di Malaysia. Di dalam bab ini, akan dijelaskan dengan lebih terperinci mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objekif kajian, persoalan kajian, definisi istilah, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teorikal kajian, kerangka konseptual kajian dan kesimpulan.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Sekolah merupakan tempat yang sangat penting kepada pembangunan sahsiah dan modal insan negara kerana mampu membawa perubahan kearah kecemerlangan pendidikan yang berkualiti dan pembangunan ekonomi setaraf dengan negara maju (Nason, A. M., & Hanapi, M. S. 2019) Tahap keberkesanan dan keberhasilan sesebuah institusi pendidikan diukur melalui suasana pembelajaran yang kondusif, pencapaian akademik, penguasaan kemahiran, kepimpinan yang hebat serta ke arah sifar masalah disiplin (Zain, F. M., et al., 2020). Dalam erti kata lain, usaha membangunkan institusi pendidikan negara yang berkualiti adalah penting untuk membawa perubahan terhadap kemenjadian murid, pembangunan sahsiah dan peningkatan prestasi sekolah secara menyeluruh seterusnya memperkembangkan institusi pendidikan negara setanding dengan sistem pendidikan negara-negara maju (Seman, et al., 2021).

Dalam usaha memantapkan institusi pendidikan sudah tentu mempunyai cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara

cabaran yang sering diperkatakan adalah melibatkan gejala buli (Mustafa, M. N., et al., 2016). Di Malaysia, kes jenayah buli terutamanya dalam sektor pendidikan sering menjadi tajuk perbincangan hangat oleh banyak pihak (Eng, J. A. J. 2014) ia berikutan terdapat banyak kes buli dalam kalangan pelajar khususnya palajar sekolah menengah sering kali dilaporkan berlaku (Mohd, F. 2012).

Buli merupakan perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru (Shahid, N. F. M., 2008) seperti perbuatan senda dan mempermainkan seseorang individu lemah dengan tujuan mengertak atau menakutkan (Md Sallehuddin, N. H., & Amin, N. 2022). Secara umumnya, perbuatan buli boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif yang dilakukan oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa kepada orang lain dengan niat untuk mendatangkan ketakutan atau kecederaan secara berulang kali (Guerin, & Hennessy 2002).

Perbuatan buli dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu fizikal, psikologi dan tingkah laku antisosial (Salmivalli, C. 1998). Buli fizikal adalah bentuk buli yang paling jelas (Yung et al 2019) dan mudah dikesan oleh orang sekeliling seperti menendang, memukul, menumbuk, menampar, menghancurkan, dan serangan fizikal yang lain (Kanak, M., & Pekdogan, S. 2023). Sementara itu, buli psikologi pula merujuk kepada perbuatan buli untuk mempengaruhi emosi mangsanya seperti mengejek dan mencerca (Camodeca, M., & Nava, E. 2022). Ia boleh berlaku bukan sahaja terhadap mangsa yang lebih kecil daripada yang besar malah buli jenis ini boleh terjadi dalam kalangan rakan sebaya dengan tujuan untuk memberi tekanan emosi kepada mangsanya (Shafie, A. A. H et al., 2017). Punca utama buli jenis ini boleh berlaku biasanya mangsa buli mempunyai kekurangan dari segi fizikal seperti rupa paras yang kurang menarik, masalah kemiskinan, masalah kekeluargaan dan sebagainya (Hashim, S., et al., 2014).

Manakala tingkah laku buli dalam bentuk antisosial pula boleh berlaku dalam bentuk

fizikal seperti merosakkan harta benda atau dalam bentuk psikologi seperti pemulauan dan fitnah (Yahaya, A., et al., 2011).

Saban tahun sektor pendidikan di Malaysia dikejutkan dengan laporan kes buli serius sehingga ada yang menyebabkan kematian. Sebagai contoh, kes yang berlaku pada 22 Mei 2017, kes Zulfarhan Osman, mahasiswa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang dibuli dan dipukul oleh rakan sepengajiannya dengan teruk menggunakan tali pinggang, getah paip, penyakut baju dan seterika panas sehingga menyebabkan badan mangsa terbakar sehingga 80% (Awani, 2 November 2021). Manakala kes yang berlaku pada 7 November 2019 melibatkan seorang pelajar tahfiz cilik yang berumur 7 tahun iaitu Mohammad Amin Nurul Amin di sebuah Maahad Tahfiz di Lanchang, Pahang yang ditemui telah lemas dan meninggal dunia akibat dibuli semasa menerima rawatan di klinik berhampiran (Awani, 9 November 2019). Kedua-dua kes ini sangat membimbangkan khususnya ibu bapa dalam usaha mendapatkan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka masa kini.

Selain itu, laporan akhbar mengenai jenayah buli yang berlaku di sekolah telah menjadi satu perkara biasa pada hari ini, sebagai contoh, kes buli murid tahun enam, lapan individu dipanggil polis (Awani, 15 Februari 2019), 10 pelajar ditahan buli kawan paksa siapkan kerja sekolah (Berita Harian, 21 November 2019), tiga pelajar buli, belasah rakan sekolah ditahan reman (Awani, 10 September 2020), kes yang terbaru pula ialah polis menahan 4 pelajar disyaki memukul rakan sekolah (Berita Harian, 21 Jun 2023). Ini merupakan sebahagian daripada laporan kes buli yang berlaku sepanjang 4 tahun ini.

Di Malaysia, dilaporkan bahawa 17.9% remaja sekolah dalam lingkungan 13 tahun sehingga 17 tahun pernah dibuli dalam tempoh sebulan, manakala kajian yang dilakukan di sekolah menengah di Johor mendapati bahawa 22.7% dari mereka pernah

dibuli, hasil kajian ‘Global School-Based Student Health Survey pada tahun 2012 (Tan. L, et al., 2019) Ia selari dengan laporan tahunan pembulian oleh Ditch The Label 2018 yang menyatakan bahawa 51% responden kajian tahunan mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan melibatkan 33%-59% rakan sekelas, rakan sekolah dan individu di sekolah (Garandau, C. F., et al., 2022).

Berdasarkan laporan, statistik kes buli menunjukkan pada tahun 2015, sebanyak 3011 kes buli dilaporkan berlaku di sekolah, pada tahun 2016 sebanyak 3488 kes buli dilaporkan, manakala pada tahun 2017 sebanyak 2795 kes buli dilaporkan (Yaacob, 2017). Pada tahun 2021, sejumlah 326 kes dilaporkan, 2022 sebanyak 3887 kes dilaporkan dan sehingga oktober 2023, sebanyak 4994 kes dilaporkan dan berlaku peningkatan sebanyak 1107 kes pada tarikh tersebut (Lim, 2023). Peningkatan sebanyak 0.05% kes buli di sekolah menengah seluruh Negara bagi tahun 2015-2016 dan dianggarkan lebih 14,000 kes berlaku antara tahun 2012-2015. Selain itu, trends semasa buli siber di Negara ini pula dilihat meningkat saban tahun. Ia terletak di bawah gangguan di bawah Kanun Keseksaan yang bertindak sebagai undang-undang am jenayah di Malaysia (Wahab A.A, & Sakip S.R.M, 2019).

Berdasarkan kepada laporan-laporan berikut, ia menjadi satu petanda buruk terhadap institusi pendidikan negara dan kajian ini diharap mampu menjadi sinar penyelesaian yang terbaik kepada jenayah buli dalam kalangan pelajar sekolah demi melahirkan modal insan yang cemerlang peneraju kepimpinan negara bangsa pada masa hadapan.

### 1.3 Penyataan Masalah

Institusi pendidikan di negara kita memberi penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu (Rosli, S., et al., 2022) dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen akhlak dan moral merupakan salah satu unsur yang penting dalam memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini tercapai (Othman, M. K., & Suhid, A. 2010). Ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Malaysia, K. P. 1988).

Apabila kita merumuskan bahawa sekolah sebagai pusat mengembangkan potensi diri secara menyeluruh, ini membawa maksud bahawa semua aspek pembangunan dan kemenjadian murid hampir keseluruhannya adalah bermula dari sekolah (Arifin, R. M. 2019). Namun begitu, dalam usaha dan proses membentuk keperibadian murid sudah tentu di sana terdapat banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak sekolah.

Cabaran yang sering terjadi di peringkat sekolah ialah gejala buli yang merupakan salah satu bentuk perbuatan keganasan yang dikesan berlaku dalam sektor pendidikan dan diakui oleh pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai masalah

kesihatan sedunia terhadap remaja dan kanak-kanak sebagai subjek yang boleh mendatangkan kemudaratan (Chester, K.L et al., 2015).

Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan gejala buli tidak menyedari bahawa tingkah laku yang sering dilakukan mereka adalah merupakan tingkah laku buli (Nordin, N. N. N., & Selamat, M. N. 2018). Jenis-jenis tingkah laku ini dianggap biasa berlaku dalam kalangan mereka seperti suka bertanyakan soalan-soalan yang bodoh, tidak memperdulikan orang lain, mengusik seseorang, membohongi seseorang dan sebagainya (Sabran, M. S. 2005). Justeru itu, para pelajar terbabit tidak sedar bahawa tingkah laku yang telah dilakukan oleh mereka merupakan salah satu jenis perbuatan buli seperti yang telah didefinisikan dalam kajian ini.

Implikasi daripada masalah gejala buli yang tidak dibendung dengan berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pelajar dan juga institusi pendidikan (Hassan, N., & Isa, N. (2024). Gejala tersebut yang menjadi kebiasaan akhirnya membawa kepada jenayah yang lebih berat sama ada merompak, membunuh dan penagihan dadah. Kesedaran serta kefahaman yang mendalam tentang tingkah laku buli di sekolah oleh guru dan mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan amat perlu dalam usaha mengawal serta mengatasi masalah ini (Mustafa, M. N., et al., 2016).

Selain itu, aktiviti pencegahan buli adalah elemen yang sangat penting dalam usaha untuk mengurangkan bilangan kes buli dalam sektor pendidikan (Mansor, R., et al., 2016). Kelesuan institusi pendidikan dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pencegahan kes buli menyebabkan para pelajar tidak peka dengan situasi dan tingkah laku buli yang berlaku di sekeliling mereka. Aktiviti intervensi atau pencegahan bercorak keagamaan dan spiritual atau '*spiritual guidance*' yang menekankan nilai ketuhanan, amalan ibadah dan akhlak di samping mengimbangkan faktor psikologi

untuk saling menguatkan dapat menjadi langkah intervensi kepada gejala buli dalam kalangan remaja (Saparudin, I. F., & Soh, S. N. C. 2018).

Program intervensi kerohanian merupakan instrumen yang mampu membentuk keperibadian jati diri dan merangsang serta memulihkan akhlak remaja (Pa'ad, N. S. 2017). Antara faktor pelajar terlibat dengan gejala buli adalah kerana kurangnya pendidikan agama dalam keluarga terutamanya perkara asas seperti solat, membaca al-quran disamping kurang perhatian dan kasih sayang daripada kedua ibu bapa (Zainal, K., & Hassan, W. Z. W. 2009).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti yang telah dinyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan kearah melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Secara implisitnya, matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, berketerampilan, berdaya saing, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kecemerlangan diri seterusnya mampu memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan selain mampu menjadi perantaraan kepada keharmonian masyarakat dan kesejahteraan kaum (Mohamad, B., & Salleh, M. J. (2009).

Selain itu, pembentukan jati diri merupakan suatu tuntutan yang seiring dengan fitrah kejadian manusia yang mempunyai tanggungjawab yang amat besar (Som, H. M. 2005) iaitu mentadbir dan menguruskan alam ciptaan Allah swt. Justeru, bagi melaksanakan tugas tersebut, kriteria utama yang perlu dimiliki adalah dengan memiliki sifat-sifat yang menjurus kearah sifat kesempurnaan seorang insan. Antaranya adalah mempunyai harga diri, berperikemanusiaan, berkasih sayang, kekuatan jasmani dan rohani dalam masa yang sama juga perlu mempunyai sifat Ikhlas, jujur, memiliki rasa

keindahan dan memiliki keseimbangan pada keperibadiannya. Dengan kata lain, para pelajar haruslah memiliki jati diri yang teguh untuk menghadapi kehidupan yang lebih mencabar pada masa akan datang (Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, H. A. 2015).

Justifikasi mengapa pelajar perlu mempunyai jati diri yang teguh supaya mereka dapat memiliki emosi yang stabil dan tenteram agar dapat menangani ancaman kehidupan semasa yang penuh dengan perlumbaan serta nilai-nilai kemanusiaan yang semakin terhakis. Emosi yang stabil akan membolehkan seseorang pelajar menangkis anasir yang tidak sihat serta bersedia menghadapi zaman yang akan datang (Johar, S. S. 2009) dan mampu menyuburkan trait personaliti yang dapat membebaskan diri daripada perasaan takut, keresahan, tidak mempunyai keyakinan diri, tekanan perasaan dan pelbagai emosi negatif yang lain.

Oleh yang demikian, kajian ini diharap mampu menjadi panduan dalam menangani gejala buli sektor pendidikan di Malaysia melalui pemahaman mengenai punca berlakunya kes buli di sekolah, mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kelakuan buli, termasuk faktor psikologi, sosial dan budaya. Selain itu, berdasarkan hasil kajian, pihak bertanggungjawab mengambil input bagi membina strategi pencegahan yang lebih berkesan termasuklah kempen kesedaran dan program intervensi. Kajian ini merupakan satu langkah tepat bagi merialisasikan dasar-dasar kerajaan Malaysia demi melahirkan generasi sihat, selamat dan seimbang dari segi mental, emosi dan jasmani seterusnya memberi nilai tambah dalam pembagunan negara menurut acuan kenabian.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Setiap penyelidikan yang dilakukan sudah pasti mempunyai beberapa tujuan atau objektif yang ingin dicapai. Berdasarkan kepada permasalahan di atas, pengkaji telah mengemukakan tiga objektif utama dalam kajian ini, antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Meneroka kaedah preventif buli dan cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam usaha membasmi jenayah buli dalam sektor pendidikan di Malaysia.
2. Menganalisis elemen preventif buli yang boleh diekstrak dari Sunnah Nabawiyyah.
3. Mengemukakan kaedah pendidikan Rasulullah saw dalam menangani gejala buli sektor pendidikan Malaysia.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan latar belakang kajian yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat tiga persoalan utama yang perlu diperjelaskan sepanjang kajian ini dijalankan, antaranya adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah proses dan prosedur preventif buli yang digunakan serta cabaran yang dihadapi oleh para guru di sekolah?
2. Apakah elemen preventif buli yang sesuai dan boleh diekstrak dari Sunnah Nabawiyyah?
3. Bagaimanakah kaedah pendidikan Rasulullah yang boleh mencegah perbuatan buli dalam sektor pendidikan di Malaysia?

## **1.6 Definisi Istilah Dan Operasional**

Skop kajian tertakluk kepada konsep dan istilah yang perlu diberi penjelasan secara jelas dan terperinci. Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini didefinisikan bersesuaian dengan tujuan kajian ini dijalankan dengan mengemukakan pandangan sarjana lain istilah yang dibincangkan. Istilah utama yang didefinisikan adalah buli dan pendidikan.

### **1.6.1 Pendidikan**

Pendidikan merujuk kepada ilmu didik, ilmu mendidik, didikan, latihan dan ajaran (Nor, M. R. M. 2011). Kata asal bagi pendidikan adalah didik yang membawa maksud bimbing, ajar dan asuh (Sholichah, A. S. 2018). Melalui definisi berikut dapat dirumuskan bahawa pendidikan merupakan proses menyampaikan ilmu pengetahuan bagi tujuan membentuk diri ke arah yang lebih baik dan mencapai tahap kesempurnaan akal fikiran berpandukan ilmu pengetahuan yang diterima.

Pendidikan merupakan satu bentuk bimbingan dan pertolongan rohani dari orang dewasa kepada mereka yang memerlukannya, tugas seorang pendidik adalah memberi bimbingan dan membantu anak muridnya mencapai tahap kesempurnaan akal dan mampu berdikari membangunkan potensi dirinya sendiri (Rahmat 2021).

Menurut (Mok Soon Sang 2010) pendidikan merupakan satu proses atau aktiviti yang diusahakan untuk perkembangan fizikal, emosi dan intelek setiap individu disamping membentuk kebolehan, kemahiran dan daya kreativiti untuk memberi faedah yang lebih baik kepada kemajuan dalam kehidupannya serta dapat membantu dirinya bertindak mengikut panduan dan acuan yang diperolehinya melalui proses pembelajaran.

Dalam konteks agama Islam, pendidikan merupakan jalan dan cara untuk manusia mengenali Allah SWT serta mengetahui tujuan mereka diciptakan oleh Allah SWT di dunia ini melalui kalam para utusannya. Selain itu, pendidikan menurut Islam bukan hanya untuk membentuk warganegara yang baik tetapi untuk melahirkan insan yang mempunyai keperibadian yang mulia serta taat dan patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Daulay 2014). Manakala menurut (Amin 2019) pula berpendapat bahawa pendidikan menurut Islam adalah tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh tenaga pengajar kepada anak didiknya mengenai semua perkara-perkara yang benar dari penciptanya sehingga dapat memberi panduan kearah kebaikan.

### **1.6.2 Pendidikan Rasulullah**

Pendidikan Rasulullah saw merupakan satu bentuk pendidikan yang holistik meliputi aspek kerohanian, moral dan intelektual (Suhid, A. 2007). Pendidikan Rasulullah SAW adalah pendidikan yang menekankan pada akhlak, moral, dan nilai-nilai ketuhanan (Padila, C., et al., 2024). Rasulullah dikenal dengan akhlaknya yang sempurna. Sebelum diangkat menjadi nabi baginda sudah digelar "Al-Amin" yang bermaksud orang yang dapat dipercaya. Pendidikan baginda sangat menekankan perilaku baik, kejujuran, kesabaran, dan rasa hormat terhadap orang lain. Rasulullah memberikan pendidikan melalui keteladanan dan mengamalkan apa yang diajarkan kepada umatnya, sehingga menjadi contoh hidup bagi para sahabat dan umat Islam (Nurjanah, S. S., et al., 2024) Semua ajaran Islam diterapkan secara langsung dalam kehidupan sehari-hari oleh Rasulullah saw.

Rasulullah saw memberikan pendidikan kepada para sahabat dengan pelbagai metode yang sangat efektif antaranya adalah melalui contoh teladan yang baik (Hidayat, N. (2015). Baginda saw tidak hanya mengajarkan secara lisan, tetapi juga menunjukkan

contoh melalui perbuatan yang membolehkan para sahabat melihat dan meniru perbuatannya dari segenap aspek kehidupan harian dari aspek akhlak, ibadah dan interaksi baginda sesama.

Selain itu, Rasulullah saw memberi penekanan kepada aspek pembinaan individu dalam metode pendidikannya. Baginda memberikan perhatian khusus kepada sahabat-sahabat tertentu sesuai dengan sifat dan keperluan mereka. Sebagai contoh, Baginda saw mendidik Abu Bakar dengan kelembutan dan keimanan yang kuat kepada Allah swt, manakala Umar Bin Al-Khattab dididik dengan menfokuskan pada keberanian dan ketegasan.

Rasulullah saw juga sering memberikan motivasi dan penghargaan kepada para sahabat yang menunjukkan kemajuan dalam ilmu dan amal (Astri, S. W. 2020). Mereka dimotivasikan dengan pahala akhirat dan ganjaran syurga yang akan diterima jika terus melakukan kebaikan dan memperbaiki diri kearah yang lebih baik. Dengan cara berikut, para sahabat bukan sahaja memahami ajaran Islam secara teori, tetapi juga menerapkannya dalam kehidupan seharian sehingga membentuk keperibadian unggul yang mampu meneruskan perjuangan dakwah Baginda saw.

Pendidikan Rasulullah saw adalah selari dengan falsafah dan matlamat pendidikan Islam iaitu membawa manusia mengenali Allah swt serta tunduk dan patuh kepada perintahnya melalui bimbingan akhlak, akal, emosi dan kemahiran (Haridi, N. H. M. 2016). Rasulullah SAW menekankan tiga aspek utama dalam menyampaikan risalah Islam kepada umatnya iaitu aspek akidah, syariah dan akhlak (Kassim & Zakaria 2020). Ketiga-tiga elemen ini merupakan tunjang asas kepada kurikulum pendidikan yang dibawa oleh Baginda SAW yang mana elemen ini sangat penting bagi proses pembentukan jati diri, sahsiah individu muslim (Siregar 2017) serta menjadi asas kepada pembinaan generasi masa hadapan dari sudut keintelektualan, tindakan dan

perlakuan seharian yang mampu memajukan diri sendiri dan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Dengan pendekatan pendidikan yang holistik ini, Rasulullah berhasil membangun generasi sahabat yang memiliki akhlak mulia, kecintaan pada ilmu yang tinggi, serta komitmen terhadap pengabdian diri kepada Allah swt dan sesama manusia.

### **1.6.3 Buli**

Buli merupakan satu bentuk perbuatan negatif yang berniat untuk menunjukkan kekuatan, menyakiti atau mencederakan mangsanya (Juvonen 2014). Selain itu, buli juga didefinisikan sebagai satu bentuk tingkah laku dominasi yang berulang secara mental atau fizikal daripada yang lebih berkuasa kepada mereka yang kurang kuasa.

Manakala menurut kamus dewan bermaksud perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru. Oleh itu, buli dapat diterjemahkan sebagai perbuatan buruk seseorang yang lebih kuat mengainaya dan mencederakan mangsanya yang lemah dengan tujuan untuk mendatangkan ketakutan dan menimbulkan rasa ketidak selesaan kepada mangsanya.

Gejala buli berlaku disebabkan faktor budaya dan ketidaksamaan sosial khususnya jurang sosioekonomi yang semakin melebar meningkatkan lagi risiko berlakunya gejala buli dalam sesebuah negara bangsa (Tippett. N, & Wolke. D, 2014).

Selain itu, faktor berat badan yang berlebihan atau obesiti boleh menyebabkan peningkatan kadar pembulian di sekolah (Waasdorp, T. E et al., 2018), diikuti faktor perbezaan umur menjadikan pelajar yang lebih tua melakukan jenayah buli kepada pelajar yang lebih muda dan lemah (Omoteso, B. A. 2010).

Selain itu, 15% kes buli yang berlaku di sekolah melibatkan pelajar berusia 11 sehingga 15 tahun (Jia. M, & Mikami. A, 2018) dan 10% - 15% kes tersebut telah

mendatangkan kecederaan yang kronik dan serius (Agyepong et al, 2017) serta 5% - 10% menyebabkan kematian (American Psychological Association, 2011). Perbuatan buli telah menjejaskan hampir separuh remaja atau pun kanak-kanak di seluruh dunia seterusnya berisiko mengalami masalah tingkah laku, kesihatan fizikal dan berhasrat membunuh diri (Groholt, et al., 2006).

Buli fizikal adalah buli yang senang dilihat dan meninggalkan kesan yang boleh menjadi bukti kepada berlakunya kes buli tersebut (Yung 2019). Buli fizikal yang sering berlaku di dalam sektor pendidikan seperti perbuatan pukul-memukul, peras ugut, menendang, menolak, mencubit dan speak terajang sehingga mendatangkan kecederaan dan yang lebih parah lagi sehingga dapat meragut nyawa mangsanya.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini membincangkan mengenai aspek pencegahan buli yang boleh diakstrak dari hadis nabawiyah. Skop kajian untuk hadis berkaitan buli, pengkaji membahagikan kepada lima bahagian utama yang memdasari kepada hadis:


- a) Hadis yang menjelaskan mengenai larangan, ancaman, akibat dan peringatan daripada melakukan kekerasan dan kezaliman kepada orang lain.
- b) Hadis yang menjelaskan mengenai larangan mengejek, mencerca dan menghina fizikal orang lain.
- c) Hadis yang berkaitan dengan sikap sombong.
- d) Hadis tentang kelebihan mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian.
- e) Hadis tentang penyelesaian kepada masalah buli yang berlaku yang berbentuk dorongan dan sokongan bagi meningkatkan semangat mangsa buli.

Hadis-hadis yang dipilih ialah daripada 6 buah kitab hadis *Sunan Sittah* iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Nasaie, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, dan Sunan Ibnu Majah. Kesemua status hadis yang dipilih adalah sahih dan ditakhrij bagi mengelakkan berlaku pengulangan terhadap hadis-hadis yang dipilih.

Manakala skop kajian untuk responden pula terdiri daripada pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka iaitu dari sektor pembangunan murid dan juga guru-guru yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu dari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan yang terlibat secara langsung dengan jenayah buli dalam sektor pendidikan di Malaysia. Antara aspek penting dalam pemilihan peserta kajian adalah informan kajian mestilah mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidangnya bagi mendapatkan data yang lengkap dan sempurna. Selain itu, peserta ini dipilih kerana kebolehan menyediakan data yang mendalam. Peserta kajian ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dan mendalam terhadap isu yang dikaji dan lebih cenderung untuk menyediakan data yang kaya dan bernilai yang akan membantu memahami isu yang sedang dikaji dengan lebih baik.

Di sekolah menengah pengkaji telah memilih Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru disiplin, manakala di sekolah rendah pula, pengkaji hanya memilih hanya seorang guru disiplin sahaja bagi setiap sekolah yang terlibat. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada bidang tugas yang diperuntukkan kepada mereka yang mana setiap kes buli yang berlaku di sekolah para pelajar akan berjumpa dengan guru disiplin dan GPKHem. Selain itu, kredibiliti data kajian adalah penting bagi meningkatkan kredibiliti dan kesahan data kajian. Ini penting untuk memastikan dapatan kajian boleh dipercayai dan memberi impak dalam bidang pendidikan.

Skop kajian untuk tempat kajian pula, pengkaji membuat pemilihan terhadap sekolah yang tersenarai dalam sekolah yang terlibat dengan kes buli. Pemilihan tempat kajian dibuat berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyenaraikan sebanyak 402 sekolah ‘hotspot’ seluruh Malaysia yang terlibat isu dadah dan disiplin. Sekolah “Hotspot” merujuk kepada masalah disiplin yang berunsurkan jenayah gengsterisme dan penyalahgunaan najis dadah (Mahadzir 2017).



## 1.8 Kepentingan Kajian

Pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini amat wajar dijalankan berikut:

- a) Kajian ini dapat memberi sumbangan ilmiah dari segi memahami konsep buli dan cabaran yang dihadapi dalam membendung gejala buli sektor pendidikan.
- b) Selain itu, kajian ini akan menjadi rujukan kepada para penyelidik, para ilmuwan, pihak professional dan yang paling penting kepada pihak pengurusan sekolah yang terlibat secara langsung dengan gejala buli.
- c) Kajian ini amat wajar dijalankan bagi kegemilangan sektor pendidikan sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah saw dalam membentuk peribadi para sahabat melalui sistem pendidikan Baginda saw.
- d) Selain itu juga, kajian ini akan memberi pendedahan yang lebih jelas kepada para pelajar dan masyarakat tentang betapa pentingnya peranan institusi pendidikan yang bebas daripada gejala buli.

## 1.9 Kerangka Teoritik Kajian

Kerangka teori merupakan huriian ringkas mengenai teori yang digunakan dalam menjawab pertanyaan serta menerangkan fokus penelitian dan merungkaikan masalah penelitian (Clifton & Handy 2003). Kerangka teorikal kajian mengenai buli merujuk kepada teori dan konsep yang digunakan untuk memahami fenomena buli, sebab-sebab ia berlaku, kesan kepada mangsa dan pembuli, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegahnya. Beberapa teori utama yang sering digunakan dalam kajian buli termasuk:

1. Teori Pembelajaran Sosial
2. Teori Ekologi Bronfenbrenner
3. Teori Psikoanalitik

Teori Pembelajaran Sosial, yang dipelopori oleh Albert Bandura, menyatakan bahawa tingkah laku, termasuk tingkah laku buli, dipelajari melalui pemerhatian, peniruan, dan pengalaman langsung. Menurut teori ini, individu belajar melalui interaksi dengan persekitaran sosial mereka, dan tingkah laku yang dilihat berkesan atau diberi ganjaran akan lebih cenderung ditiru. Beberapa konsep utama teori ini yang berkaitan dengan buli adalah:

#### 1. Pemerhatian dan Peniruan (Observational Learning)

Menurut Bandura, manusia belajar dengan memerhati tingkah laku orang lain (Mijan, D. R. B. 2020). Individu mungkin melihat orang lain (rakan sebaya, ahli keluarga, atau media) yang berkelakuan agresif dan berjaya mendapatkan apa yang mereka mahu melalui buli. Jika tingkah laku ini tidak dihukum dan malah membawa manfaat seperti status sosial atau perhatian, mereka akan meniru tingkah laku tersebut.

#### 2. Penguatkuasaan (Reinforcement)

Pembuli terus melibatkan diri dalam tingkah laku tersebut jika mereka melihat kesan positif daripadanya, seperti mendapatkan perhatian, kuasa, atau kawalan. Jika tindakan buli mereka tidak dihukum atau malah diberi ganjaran secara langsung atau tidak langsung (seperti rakan sebaya yang ketawa atau menyokong), ia akan menguatkan tingkah laku tersebut.

#### 3. Pengaruh Model Peranan (Role Models)

Pembelajaran sosial berlaku dalam konteks sosial yang lebih luas, di mana pembuli mungkin meniru tingkah laku model peranan mereka, seperti ibu bapa, guru, atau rakan sebaya (Hashim, S., & Rahman, N. M. A. 2014). Jika kanak-kanak melihat ibu bapa mereka menggunakan kekerasan atau tingkah laku agresif untuk menyelesaikan konflik, mereka mungkin akan belajar bahawa tindakan sedemikian adalah cara yang sah untuk mencapai matlamat mereka.

#### 4. Media dan Pengaruh Sosial

Teori Pembelajaran Sosial juga menekankan peranan media dalam membentuk tingkah laku agresif. Pendedahan kepada keganasan dalam televisyen, filem, permainan video, atau media sosial boleh mempengaruhi individu, terutama remaja, untuk menganggap bahawa keganasan atau buli adalah tingkah laku yang diterima atau biasa (Yaacob, Z. 2010).

Dalam konteks buli, teori pembelajaran sosial menunjukkan bahawa persekitaran sosial memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi tingkah laku. Oleh itu, untuk mencegah buli, penting untuk mengubah suasana sosial dengan menggalakkan model peranan positif, menghukum tingkah laku buli secara konsisten, dan memberi ganjaran kepada tingkah laku yang baik.

Teori Ekologi Bronfenbrenner dikembangkan oleh psikolog Amerika, Urie Bronfenbrenner, yang menggambarkan bagaimana lingkungan sosial mempengaruhi perkembangan individu (Salsabila, U. H. 2018). Dalam teorinya, perkembangan manusia dipengaruhi oleh lima sistem lingkungan yang saling terkait. Sistem-sistem ini adalah:

1. Mikrosistem: Lingkungan terdekat individu, seperti keluarga, teman, sekolah, dan tempat kerja. Di sini, interaksi langsung antara individu dan lingkungannya terjadi.
2. Mesosistem: Hubungan antara mikrosistem, seperti interaksi antara orang tua dengan guru atau hubungan antara teman dengan keluarga.
3. Eksosistem: Sistem di mana individu tidak terlibat secara langsung, tetapi tetap memengaruhi perkembangan individu, seperti tempat kerja orang tua atau kebijakan pendidikan.
4. Makrosistem: Sistem yang mencakup budaya, nilai-nilai, hukum, dan tradisi dalam masyarakat yang memengaruhi perkembangan individu.

5. Kronosistem: Dimensi waktu dalam perkembangan individu, mencakup perubahan besar dalam kehidupan individu seperti peristiwa penting, perubahan lingkungan, atau perubahan sosial.

Teori Psikoanalitik, yang berasal daripada konsep Sigmund Freud, memberi penekanan kepada konflik dalaman individu dan peranan alam bawah sedar dalam mempengaruhi tingkah laku, termasuk tingkah laku buli (Ismail, R. A. M., & Othman, M. I. 2020). Menurut teori ini, tingkah laku buli mungkin merupakan hasil daripada masalah psikologi atau emosi yang tidak diselesaikan sejak zaman kanak-kanak, yang melibatkan aspek bawah sedar individu. Beberapa komponen penting dari teori psikoanalitik yang berkaitan dengan buli adalah:

#### 1. Id, Ego, dan Superego

Freud membahagikan personaliti manusia kepada tiga bahagian: Id (keinginan primitif dan naluri), Ego (kesedaran diri yang berfungsi untuk mengawal Id), dan Superego (perasaan moral dan nilai). Pembuli mungkin dikuasai oleh Id, di mana keinginan agresif dan naluri mendominasi, dan Ego serta Superego gagal untuk mengawal impuls tersebut. Akibatnya, individu cenderung bertindak dengan agresif tanpa mempedulikan moral atau empati.

#### 2. Mekanisma Pertahanan

Individu mungkin menggunakan mekanisme pertahanan, seperti *projection* (memindahkan perasaan negatif kepada orang lain) atau *displacement* (mengalih perasaan marah atau ketidakpuasan kepada mangsa yang lebih lemah). Sebagai contoh, seorang pembuli yang mengalami perasaan rendah diri atau rasa tidak berdaya mungkin mengalihkan perasaan ini dengan menindas orang lain untuk meningkatkan harga diri mereka.

### 3. Trauma atau Konflik Dalaman

Menurut teori psikoanalitik, konflik dalaman yang tidak diselesaikan, terutamanya yang berkaitan dengan hubungan dengan ibu bapa atau pengalaman awal dalam kehidupan, boleh membawa kepada tingkah laku agresif seperti buli (Kiram, N. M., & Ariffin, R. M. R. 2017). Sebagai contoh, seseorang yang pernah mengalami kekerasan atau pengabaian mungkin mengulangi pola tingkah laku yang serupa terhadap orang lain.

### 4. Kecelaruhan Emosi

Buli juga boleh dilihat sebagai ekspresi ketidakstabilan emosi dan kecelaruhan yang mungkin disebabkan oleh masalah psikologi mendalam. Pembuli mungkin tidak mampu menangani emosi negatif mereka dengan cara yang sihat, lalu menggunakan buli sebagai cara untuk melepaskan tekanan atau ketidakpuasan.

Teori psikoanalitik menawarkan pandangan bahawa buli bukan sekadar masalah tingkah laku luaran, tetapi berkait rapat dengan proses psikologi yang mendalam dan bawah sedar. Oleh itu, pendekatan intervensi yang lebih terapeutik, seperti kaunseling psikodinamik, mungkin diperlukan untuk membantu pembuli menyelesaikan masalah dalaman mereka yang membawa kepada tingkah laku tersebut.

Setiap teori ini boleh digunakan untuk memahami aspek yang berbeza tentang buli, dari sebab-sebab berlakunya buli hingga kepada cara untuk mengatasinya. Kajian buli yang berkesan biasanya melibatkan pendekatan multidimensi, menggunakan beberapa teori sekaligus untuk merangka strategi pencegahan dan intervensi yang lebih komprehensif.

### 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji telah membentuk kerangka konseptual bagi menerangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan gejala buli yang berlaku dalam sektor pendidikan di Malaysia. Kerangka konseptual yang bersifat khusus seterusnya dapat menunjukkan secara jelas hubungkait antara masalah gejala buli dengan kemantapan akhlak dan jati diri individu muslim.

Salah satu elemen yang dapat mengurangkan berlakunya gejala buli adalah proses pembentukan akhlak yang mulia disamping beberapa faktor lain seperti peranan guru, aspek sokongan daripada sekeliling dan aktiviti-aktiviti pencegahan yang memainkan peranan penting dalam mengurangkan kes buli dalam sektor pendidikan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dan berakhlak mulia.

Berdasarkan kepada teori dan konsep pendidikan yang telah diutarakan dan tujuan objektif kajian ini, pengkaji mengenalpasti kaedah pencegahan buli dalam sektor pendidikan melalui aspek pendidikan Rasulullah SAW yang menumpukan perhatian kearah pembentukan akhlak dan peribadi mulia selepas aspek tauhid kepada Allah SWT. Isu keruntuhan akhlak pelajar merupakan suatu ancaman besar bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah individu yang rosak. Natiyahnya lahirilah masyarakat atau generasi yang terpalit dengan pelbagai masalah sosial rentetan daripada kesan ketidakpatuhan kepada ajaran agama.

Apabila nilai-nilai akhlak terhakis menyebabkan terjadinya masalah sosial dalam masyarakat. Hanya melalui pendidikan yang sempurna termasuk mengambilkira faktor-faktor pembentukan jati diri akan dapat menghasilkan modal insan yang mempunyai wawasan yang kukuh. Oleh itu, pembelajaran akhlak adalah perkara

penting yang perlu diberi perhatian dalam proses membentuk jati diri pelajar. Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diberi perhatian agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari pelbagai aspek.

Dalam konteks dunia global yang kompetitif ini, menerusi pendekatan Islam yang dilakukan secara holistik dan efektif dapat mempertingkatkan pembangunan modal insan dapat dilakukan. Oleh itu, pendidikan akhlak perlu ditekankan dalam membangunkan modal insan yang bakal menerajui masyarakat dan negara agar tidak berlaku kepincangan ketika kita mengejar kecemerlangan dalam kehidupan.

Elemen yang kedua ialah peranan ibu bapa. Anak adalah harta tiada ternilai dianugerahkan oleh Allah swt bagi pasangan ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab membentuk dan mendidik anak-anak mereka menjadi insan cemerlang atau sebaliknya. Dalam ajaran Islam mendidik dan membentuk peribadi anak agar patuh kepada perintah Allah swt adalah suatu kewajipan mutlak.

Masalah gejala buli yang berlaku di sekolah sering dikaitkan dengan perilaku dilenkuaen yang selalu dilabel sebagai golongan yang suka memberontak dan tidak mematuhi undang-undang yang terjerumus dalam kesalahan dan jenayah terutamanya gejala buli serta perilaku dilenkuaen yang lain seperti mencuri, penyalahgunaan dadah, gangsterisma dan vandalisma.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) definisi umur remaja adalah dalam kalangan yang berumur 10 tahun sehingga 19 tahun. Umur-umur berikut adalah meliputi pelajar tahap 2 di sekolah rendah dan semua pelajar di sekolah menengah. Remaja adalah masa transisi atau peralihan dari zaman kanak-kanak menuju zaman dewasa yang menampakkan adanya perubahan dari aspek fizikal, psikik, dan psikososial. Zaman remaja juga diertikan sebagai zaman di mana seseorang

menunjukkan tanda-tanda akil baligh dan seterusnya hingga tercapainya kematangan seksual.

Setiap perkara yang berlaku pada peringkat usia ini bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek objektif institusi sosialisasinya, tetapi juga oleh aspek subjektif bagaimana remaja mentafsirkan keadaan di sekeliling mereka. Aspek objektif meliputi institusi kekeluargaan iaitu peranan ibu bapa dalam mencorakkan halatuju dan kebahagiaan keluarganya.

Kebahagiaan merupakan suatu yang dirindui oleh setiap orang kerana kebahagiaan merupakan kebaikan paling besar di antara segala kebaikan yang ada. Dari sudut perspektif Islam, di dalam mencapai kebahagiaan keluarga, sebuah keluarga memerlukan seorang pemimpin terbaik. Konflik di antara anak remaja dan ibu bapa biasanya berlaku atas banyak faktor antaranya seperti sikap ibu bapa, tahap pengetahuan ibu bapa, harapan ibu bapa dari segi pembelajaran dan persepsi ibu bapa pada jangka masa panjang seterusnya menyebabkan anak-anak memberontak dan melempiaskan kemarahannya kepada rakan-rakan di sekolah dan persekitaran.

Selain peranan ibu bapa, guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik murid-murid di sekolah. Justeru itu peranan dan tanggungjawab guru terhadap keperluan masyarakat ialah mendidik pelajar-pelajar supaya mereka menjadi generasi berilmu pengetahuan, berakhlak, berpersonaliti mulia dan bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara. Antara kriteria penting guru yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia termasuklah guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi guru yang professional yang berkesan dalam

mendidik para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Guru dan pihak pentadbir sekolah merupakan pihak yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pencegahan gejala buli di peringkat sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dirancang mesti meliputi aspek pembangunan diri dan sahsiah pelajar yang menekankan elemen kerohanian kerana aspek sokongan pencegahan yang mampan mampu mengurangkan kes buli dalam sektor pendidikan di Malaysia.

### **1.11 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab pertama ini menerangkan beberapa isi penting yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan ini. Pada peringkat awal bab ini, pengkaji menghuraikan pengenalan kajian yang berkaitan dengan gejala buli yang berlaku dalam sektor pendidikan. Secara khususnya, dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan dengan jelas berkaitan dengan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan kerangka teori serta kerangka konseptual kajian. Perbincangan pada bab pertama ini memberi gambaran awal berkaitan aspek peting yang perlu diketengahkan.